



26 AUG, 2026

Sektor automotif, pengangkutan pacu prestasi kewangan

Utusan Malaysia, Malaysia



Sektor automotif, pengangkutan pacu prestasi kewangan

PETALING JAYA: Sektor automotif dan pengangkutan muncul sebagai pemacu utama yang melepasi jangkaan dalam musim keputusan kewangan suku kedua 2026 bagi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia setakat ini.

CIMB Securities mengekalkan sasaran Indeks FBM KLCI pada paras 1,745 mata ekor an soko ngan daripada pengukuhan sektor berkenaan serta pertumbuhan pendapatan tahun ke tahun yang turut disumbangkan oleh segmen perladangan serta minyak dan gas.

“Bagaimanapun, kami memberi amaran bahawa prestasi sektor utiliti serta minyak dan gas mencatatkan kejutan negatif dengan kebanyakannya melaporkan keputusan di bawah unjuran akibat sumbangan loji kuasa yang lebih rendah dan kelewatan kerja penyelenggaraan,” katanya dalam nota penyelidikan.

Menurut CIMB Securities,

nisbah syarikat yang melepasi berbanding mengecewakan jangkaan (beat-to-miss ratio) mencatatkan peningkatan kepada 0.62 kali berbanding 0.52 kali pada suku pertama 2026.

Sebaliknya, daripada 56 syarikat di bawah liputannya yang telah melaporkan keputusan setakat 23 Ogos 2026, sebanyak 14 peratus melepasi unjuran, 63 peratus memenuhi jangkaan dan 23 peratus lagi mencatatkan prestasi di bawah anggaran.

“Bagi sektor automotif dan pengangkutan, syarikat seperti Bermaz Auto dan Westports menjadi antara penyerlah utama dipacu oleh pemulihan syarikat bersekutu serta peningkatan hasil kargo dan kontena yang lebih baik daripada dijangka,” katanya.

Di sebalik perkembangan itu, firma penyelidikan tersebut mengulangi saranan ‘Beli’ terhadap beberapa saham pilihan utama yang mencatatkan profil

risiko-ganjaran lebih menarik selepas keputusan suku kedua 2026 dikeluarkan.

Firma itu menaikkan penarafan saham Bermaz Auto, Genting Plantations, YTL Power, IGB REIT dan Sunway REIT daripada ‘Pegang’ kepada ‘Beli’, manakala VS Industry dinaikkan kepada ‘Pegang’ daripada ‘Jual’.

Dalam pada itu, andaian penarafan bagi AMMB, Affin Bank dan MyNews diturunkan kepada ‘Pegang’ daripada ‘Beli’, manakala Top Glove diturunkan kepada ‘Turun’ daripada ‘Pegang’.

CIMB Securities berpendapat saham seperti RHB Bank, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional kekal berdaya tahan, dengan RHB Bank kekal sebagai pilihan utama bagi pulangan hasil dividen tinggi antara 6.1 peratus hingga 6.8 peratus bagi tempoh ramalan kewangan untuk tahun kewangan 2026 hingga 2028.